

NAMA:CHOO YEE CHIN (127648)

NURUL NABILA BINTI MOHAMAD NASIR (127734)

TAN CHIA LIN (127759)

TEH SHY HUI (127760)

## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN SEKOLAH MENENGAH

### PENDEKATAN PENGAJARAN KAJIAN MASA DEPAN

TARIKH	7 DECEMBER 2017
KELAS	1 KREATIF
MASA	9.00 – 9.40 pagi
BILANGAN MURID	30 ORANG
SUBJEK	SEJARAH
TAJUK	Peningkatan Tamadun Yunani dan Rom
SUB TAJUK	Peningkatan Seni Bina dalam Tamadun Rom
HASIL PEMBELAJARAN	Sepanjang pengajaran dan pembelajaran, murid diharapkan dapat: 1. Membuat kesimpulan tentang kepentingan seni bina sebagai lambang intelektual. 2. Menghuraikan kepentingan kerjasama dalam pembinaan sesuatu tamadun.
OBJEKTIF	Sepanjang pengajaran dan pembelajaran, murid diharapkan dapat: 1. Mengenal pasti jenis seni bina dalam tamadun Rom. 2. Membandingkan ciri-ciri seni bina tamadun Rom dengan seni bina masa kini. 3. Menciptakan lakaran berkenaan seni bina masa depan berdasarkan ciri-ciri seni bina tamadun Rom.
ABM	Laptop, LCD Peta I-think Visual Organiser : aktiviti cantuman <i>puzzle</i> , lakaran seni bina masa depan KBAT : Menganalisis, mencipta
NILAI	Kerjasama, Keyakinan diri, Kreatif dan Inovatif.

Perkembangan Pengajaran	Kandungan / Konsep	Proses Pengajaran dan Pembelajaran	Refleksi
Fasa 1 SET INDUKSI ( 5 minit )	Tayangan gambar	<ul style="list-style-type: none"><li>- Guru menayangkan gambar-gambar seni bina yang terkemuka di dunia.</li><li>- Guru menghubungkan pengetahuan sedia ada murid dengan topik yang akan dipelajari.</li></ul>	
Fasa 2 (10 minit)	Penerangan (Peta I-think)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Guru membentangkan seni bina tamadun Rom dengan menggunakan Peta I-think.</li><li>- Murid diminta untuk mencatatkan isi-isi penting yang diterangkan.</li></ul>	
Fasa 3	Tugasan	<ul style="list-style-type: none"><li>- Murid dibahagikan kepada empat kumpulan</li></ul>	

(10 minit)	Kumpulan Aktiviti 1: Cantuman <i>puzzle</i>	berdasarkan simbol emoji. - Setiap kumpulan diberikan klu tentang ciri-ciri seni bina tamadun Rom. - Berdasarkan klu, setiap kumpulan diminta untuk mencari sampul surat yang mengandungi <i>puzzle</i> berkenaan seni bina masa kini.	
Fasa 4 (10 minit)	Tugasan kumpulan Aktiviti 2: Lakaran seni bina masa depan	- Setiap kumpulan dibekalkan kad manila untuk melakarkan seni bina masa depan. - Setiap kumpulan perlu membentangkan hasil kerja masing-masing. - Guru menilai pembentangan hasil kerja murid.	
Fasa 5 Penutup (5 minit)		- Murid diminta menjawab soalan KBAT. - Murid merumuskan hasil pembelajaran hari ini. - Guru merumuskan keseluruhan pengajaran dan pembelajaran.	

REFLEKSI :